

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

1. Penduduk Balik Pulau mempunyai tiga (3) laluan keluar. Kebanyakan menggunakan laluan jalan lama melalui Teluk Kumbar untuk ke bandar. Masalah yang dihadapi adalah kesesakan berlaku dari Puspakom hingga ke Sungai Batu.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Antara perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang berlaku dari Puspakom ke Sungai Batu adalah dengan menetapkan syarat terhadap pemaju-pemaju pembangunan baharu untuk melebarkan bahagian-bahagian tertentu di Jalan Teluk Kumbar dari Puspakom ke Sungai Batu mengikut lokasi tapak pembangunan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Kerja-kerja pelebaran ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun apabila projek-projek pembangunan baharu yang terlibat disiapkan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memohon bagi menaik taraf Jalan Teluk Kumbar di Laluan Persekutuan 6 Dari Teluk Kumbar (Sek. 28.0) ke Pekan Genting, Balik Pulau (Sek. 29.5) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam RMK-11-RP4 dan RMK-12 bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini dan masih menunggu kelulusan peruntukan.

Malah terdapat perancangan dalam fasa kedua *Penang Transport Master Plan* (PTMP) di mana Balik Pulau akan disambungkan sepenuhnya apabila Lebuh raya *Pan Island Link*

(PIL) 2 yang dicadangkan dibina menghubungkan Lebuhraya *Pan Island Link* 1 (PIL 1). PIL 2 yang dicadangkan akan menghubungkan persimpangan Jalan Teluk Kumbar sekitar bangunan Puspakom dengan Persimpangan Relau di PIL 1. Persimpangan di Jalan Teluk Kumbar ini akan menjaringkan sambungan jajaran ke kawasan Balik Pulau.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

2. Masalah peluang pekerjaan telah menyebabkan pengangguran dan kos sara hidup yang meningkat. Ini telah mewujudkan golongan peniaga-peniaga di tepi jalan untuk menampung kos sara hidup mereka. Bagi membolehkan mereka mencari pendapatan, mohon pihak PBT berbincang dengan mereka. Jika perlu adakan syarat-syarat supaya mereka boleh mendapat lesen menjaja sementara?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa terbuka bagi membantu mana-mana peniaga di tepi jalan untuk menjalankan perniagaan. Aktiviti penjajaan tepi jalan masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan syarat-syarat sedia ada yang sedang berkuatkuasa di PBT.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mengeluarkan lesen baharu bagi penjaja di tepi jalan. Walau bagaimanapun, lesen lama masih boleh diperbaharui.

Bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, satu (1) Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih telah diwujudkan. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam garis panduan tersebut oleh pemohon bagi mendapatkan lesen atau permit adalah seperti berikut:

- (i) Penjaja perlu memastikan keadaan gerai / kereta tolak/kenderaan dan sebagainya berada dalam keadaan bersih, selamat dan sesuai digunakan;
- (ii) Penjaja tidak dibenarkan meninggalkan perkakasan perniagaan selepas aktiviti perniagaan;
- (iii) Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di bahu jalan, lorong belakang premis atau mana-mana lokasi yang boleh menyebabkan halangan dan gangguan lalu lintas, kerosakan infra dan harta PBT;
- (iv) Penjaja hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di tapak yang diluluskan PBT dari semasa ke semasa;
- (v) Hanya warganegara Malaysia sahaja layak diberi lesen dan pembantu yang ingin dilantik juga mestilah daripada warganegara Malaysia dan mendapat kebenaran PBT;
- (vi) Penjaja dilarang menggunakan perkhidmatan pembantu jualan dari kalangan kanak-kanak bawah umur;
- (vii) Penjajaan yang dijalankan adalah bersifat bungkusan atau *take away* bergantung kepada aktiviti penjajaan;
- (viii) Penggunaan kerusi/meja adalah bergantung kepada aktiviti perniagaan dan penilaian PBT;
- (ix) Penjaja tidak dibenarkan membuang sisa makanan dan bahan buangan ke dalam longkang atau mana-mana tempat awam lain;
- (x) Penggunaan polisterin adalah dilarang dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil; dan
- (xi) Kawasan yang melibatkan pembangunan secara *Universal Design* adalah tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti penjajaan.

Selain itu, beberapa inisiatif juga telah dilaksanakan dan dalam perancangan oleh kedua-dua PBT bagi membantu golongan ini. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan proses temuduga terbuka bagi pengisian ruang niaga PBT yang masih kosong dengan kekerapan dua (2) kali sebulan di mana penjaja-penjaja ini akan dilesenkan sekiranya berjaya;
- (ii) Meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga / penjaja tepi jalanan mengikut kesesuaian lokasi penjajaan dan tidak menimbulkan kacau ganggu serta mematuhi Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih;
- (iii) Mengeluarkan permit penjajaan untuk aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim; dan
- (iv) Menyediakan lokasi-lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga dan penjaja yang tidak berlesen tanpa kebenaran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

3. Fitrah manusia perlukan sosial dan riadah. Selain bola sepak manusia juga meminati memancing, mandi sungai, berkelah, muzik dan sebagainya. Kawasan Kuala Pulau Betong ke Kem Pasir Panjang adalah tempat tumpuan ramai tiap Sabtu dan Ahad.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan ini sebagai pusat riadah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri sememangnya menyedari bahawa kawasan Pulau Betong ke Kem Pasir Panjang merupakan sebahagian kawasan tumpuan di Balik Pulau khususnya semasa hujung minggu. Selaras dengan usaha tersebut, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDT DBD) telah pun memohon peruntukan untuk membiayai projek baik pulih tandas awam di Pasir Panjang menggunakan peruntukan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020). Buat masa ini, urusan perolehan telah selesai dilaksanakan dan projek akan disiapkan dalam tahun semasa. Kemudahan tandas awam di Pasir Panjang ini juga akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) setelah projek ini siap kelak agar kemudahan ini dapat diuruskan dengan baik. Justeru itu, melalui penglibatan MBPP, diharap lebih banyak usaha dapat dibuat direncanakan dalam memajukan kawasan Pasir Panjang sebagai salah satu ikon pelancongan di Balik Pulau.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism juga telah mengeluarkan sebuah risalah promosi bertajuk "*The Other Side Of The Island – Balik Pulau*" bagi mempromosikan kawasan Balik Pulau. Antara tempat tumpuan yang dipromosikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa adalah Laksa Pokok Janggus, *Stepping Stone Word Centre*, Chop Kim Hua Belacan Factory, dan Pantai Pasir Panjang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

4. Nyatakan jumlah tanah yang dibawah Kerajaan Negeri. Berapakah yang terbiar? Apakah perancangan untuk memajukannya? Bolehkah Kerajaan Negeri:-
- (a) Mengusahakan untuk membina rumah sewa beli bagi menyediakan perumahan untuk rakyat.
 - (b) Memajak untuk dijadikan kebun atau kolam ikan bagi menambah ekonomi rakyat.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Tanah kerajaan adalah tanah yang tidak dikeluarkan hakmilik. Tanah ini meliputi tanah yang terdapat di setiap daerah dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tapak pejabat, tapak kuarters, simpanan jalan, simpanan parit, kawasan lapang, kawasan tadahan air dan sebagainya. Tanah kerajaan juga boleh diwujudkan akibat daripada pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan juga akibat perkembalian tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri disebabkan pelanggaran syarat dan sebagainya. Jumlah tanah kerajaan tidak dapat diberikan memandangkan bilangannya yang terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan secara tepat serta berubah-ubah.

Tanah kerajaan akan dimajukan apabila pihak Kerajaan memajukannya bagi tujuan awam atau berdasarkan permohonan daripada pihak-pihak lain yang layak (selain Kerajaan) yang berhasrat untuk memajukannya yang mana tanah kerajaan

tersebut perlu dilupuskan terlebih dahulu menurut Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).

- (a) Kerajaan Negeri boleh mengusahakan untuk membina rumah sewa beli bagi penyediaan perumahan rakyat namun tanah kerajaan tersebut perlu dilupuskan terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang layak mengikut KTN memandangkan rumah tersebut akan menjadi hakmilik pembeli rumah.
- (b) Tanah kerajaan tidak boleh dipajakan. Namun, tanah kerajaan boleh dipohon pemberimilikan atau Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan dijadikan kebun atau kolam ikan, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.